

SINOPSIS NOVEL PELARI MUDA

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

Bab 11

resah	akhbar	berlatih
Encik Kadir	memuaskan	atlet
kesihatannya	terbaik	Bangkok

Pihak KOAM mengeluarkan kenyataan _____ meletakkan harapan yang tinggi pada Kamarul dalam sukan SEA di _____. Kenyataan ini membuatkan Kamarul _____. Walau bagaimanapun, Kamarul telah bersedia untuk _____ bersungguh-sungguh. Kedatangan Kamarul di pusat latihan menggembirakan _____. Encik Kadir menguji kepantasan Kamarul, namun prestasi Kamarul masih tidak _____ hati Encik Kadir. Namun, Encik Kadir meyakinkan Kamarul bahawa prestasinya akan meningkat apabila _____ kembali normal. Di rumah, Kamarul menilik gambar-gambar _____ sukan olahraga yang terkenal. Daripada situ, beliau berazam untuk membuat catatan _____ sebagaimana tokoh-tokoh atlet yang berjaya itu.

Bab 12

Saridah	usikan	disambut
mengucapkan	lapangan terbang	berjaya

Suasana di _____ sebelum Kamarul dan atlet lain berlepas ke Bangkok. Dalam keriuhan dan suara kawan-kawan yang memberi semangat, Kamarul masih mencari-cari _____ yang masih tidak muncul. Keresahan Kamarul menjadi _____ kawan-kawannya Adibah dan Fazilah. Tidak lama kemudian Saridah sampai di situ dan _____ riang oleh Kamarul. Saridah dengan mesra _____ selamat jalan dengan harapan semoga Kamarul _____.

Bab 13

kecergasannya	dan	diminatinya
menggembirakan	pertama	pengalaman
gimnasium	semangat	Kontinjen

_____ Malaysia sampai di Bangkok. Kamarul _____ Sures tinggal sebilik. Mereka seronok kerana inilah kali _____ mereka ke Bangkok. Kamarul masih dilanda perasaan muram kerana bimbang akan _____ yang belum mencapai tahap terbaik. Walau bagaimanapun, ia ditenangkan oleh Sures dengan kata-kata _____ dan keyakinan untuk berjaya. Kamarul dan atlet lain menjalani latihan kepantasan di _____ A. Seusai latihan Kamarul mencari De Wega, atlet Filipina yang _____. Pertemuan dengan De Wega amat _____ Kamarul. Mereka berkenalan dan berbual panjang tentang publisiti De Wega, tentang semangat kesukanan, disiplin dan _____ diri. Banyak maklumat yang diperolehi oleh Kamarul daripada De Wega dan banyak pula pengajaran yang meningkatkan

semangatnya. Kamarul merasa gembira dengan pertemuan itu dan semangatnya untuk berjaya semakin berkobar-kobar.